

Penskoran QuickDASH

Yang QuickDASH Ringkas dikira melalui dua komponen: bahagian kurang upaya/ simptom (11 item skor 1-5) dan modul pilihan sukan berprestasi tinggi/ muzik atau kerja (4 item, skor 1-5).

Skor Kurang Upaya/ Simptom

Sekurang-kurangnya 10 daripada 11 item mesti dilengkapi bagi membolehkan skor dikira. Jumlahkan kesemua respons yang lengkap yang mempunyai nilai yang telah ditetapkan dan dapatkan puratanya bagi menghasilkan skor 5. Nilai ini kemudian ditukar kepada skor daripada 100 dengan menolak nilai satu dan mendarabkannya dengan 25. Penukaran ini dilakukan bagi membolehkan skor mudah dibanding dengan ukuran-ukuran lain yang menggunakan skala 0-100. Skor yang lebih tinggi menunjukkan kurang upaya yang lebih tinggi.

$$\left(\left[\frac{\text{jumlah dari nilai yang dipilih}}{\text{soalan dijawab}} \right] - 1 \right) \times 25$$

Modul Pilihan (sukan/muzik atau kerja)

Ada dua modul pilihan, setiap satunya mengandungi empat item. Modul pilihan ini ditujukan kepada ahli sukan, artis persembahan dan kumpulan pekerja yang lain yang memerlukan prestasi fizikal yang tinggi. Individu-individu ini mungkin mengalami masalah ketika melakukan kegiatan pada tahap yang tinggi, yang tidak diliputi oleh skor 11 item dalam QuickDASH.

Prosedur yang sama seperti yang telah diterangkan perlu diikuti untuk mengira skor modul pilihan empat-item. Kesemua empat soalan mesti dijawab bagi membolehkan skor dikira. Bagi setiap modul, jumlahkan nilai yang ditetapkan bagi setiap respons dan bahagikan dengan empat (bilangan item); tolak satu dan darabkan dengan 25 bagi mendapatkan skor daripada 100.

Item Hilang

Sekiranya lebih 10 peratus daripada item (iaitu lebih daripada tiga item) tidak dijawab oleh responden, anda tidak boleh mengira skor kurang upaya/ simptom QuickDASH. Mengikut peraturan yang sama (iaitu tidak lebih daripada 10 peratus item yang tidak dijawab), maka tiada nilai hilang yang boleh ditoleransi dalam modul pilihan kerana setiap modul hanya mengandungi empat item.